



Abdul Karim (kiri) bersama pegawai Jabatan Muzium Sarawak menunjukkan fragmen tulang manusia prasejarah Gua Niah di Bangunan MAS Cargo, Kuching, semalam.

(Foto ihsan TVSarawak)

# Tulang manusia neolitik selamat tiba di Sarawak

## Artifak 40,000 tahun dibawa pulang selepas 50 tahun berada di AS untuk kajian

**Kuching:** Sebanyak 122 fragmen tulang manusia prasejarah Gua Niah berusia lebih 40,000 tahun selamat tiba di bangunan MAS Cargo, Kuching kira-kira jam 7.30 pagi semalam.

Ketibaan artifak bersejarah menggunakan pesawat Singapore Airlines dari Florida, Amerika Syarikat itu disambut Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Sarawak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah dan pegawai Jabatan Muzium Sarawak.

Proses penghantaran pulang artifak itu diselia oleh pensyarah Universiti Florida, Profesor Dr John Kriegerbaum dan dibantu Ketua

Unit Arkeologi Jabatan Muzium Sarawak Mohd Sherman Sauffi.

Untuk rekod, serpihan tulang berkenaan ditemui pada 1950-an oleh pasukan penyelidik yang diketuai oleh Kurator Muzium Sarawak pada ketika itu, Tom Harrison.

Bercakap kepada pemberita, Abdul Karim berkata, semua 122 fragmen tulang berkenaan diekskavasi dari Gua Niah, Miri bermula penghujung 1950-an sehingga awal 1960-an.

“Ia kemudian dihantar ke Amerika Syarikat pada 1966, iaitu ke Universiti Nevada, Las Vegas sebelum berpindah ke Universiti Florida, di Gainesville pada

2017 untuk penyelidikan.

“Selepas lebih 50 tahun berada di luar negara untuk aktiviti penyelidikan, akhirnya (tulang) nenek moyang kita kembali ke Bumi Kenyalang,” katanya.

Abdul Karim berkata, serpihan tulang terbabit akan ditempatkan di Muzium Arkeologi Sarawak yang ketika ini sedang dalam proses naik taraf dan dijangka dibuka kepada orang awam pada hujung tahun ini.

“Apabila muzium itu dibuka kelak, orang ramai terutama rakyat Sarawak bolehlah menyaksikan artifak berkenaan yang saya percaya sungguh dekat di hati kita semua,” katanya.

BERNAMA